

11 JAN 1998

DR MAHATHIR AKAN BERBUKA PUASA DI MASJID SUNGAI MENGHULU

LANGKAWI, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berbuka puasa di Masjid A'ishah Sungai Menghulu di sini, Isnin depan.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Datuk Abdul Halil Mutalib hari ini berkata kira-kira 1,000 orang termasuk pemimpin masyarakat dan ketua jabatan akan menghadiri majlis itu yang diadakan secara sederhana.

Abdul Halil berkata pada sebelah petang sebelum majlis itu, Dr Mahathir dijangka mengadakan lawatan kerja meninjau persekitaran Langkawi.

Masjid berharga hampir RM2 juta itu, masjid pertama berhawa dingin di pulau bebas cukai ini, dibina seratus peratus hasil sumbangan dan derma daripada ahli korporat dan penduduk tempatan.

Masjid yang boleh menampung lebih 1,000 orang itu mula digunakan pada 25 Dis lepas dan dijangka dirasmikan oleh Sultan Kedah selepas Hari Raya Puasa ini. -- Bernama

NH oba